

**TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERADUAN SEGARKAN NAFAS, SEGARKAN RAYA FRESH & WHITE
(EKSKLUSIF DI LOTUS'S)**

A. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Peserta mesti membaca Syarat-syarat Penyertaan ini bersamaan dengan Jadual kepada Syarat-syarat Penyertaan (secara kolektif akan dirujuk sebagai **“Terma dan Syarat”**).
- 1.2 Dengan menyertai Peraduan ini, kesemua Peserta bersetuju dan mengakui untuk terikat dengan terma dan syarat berikut dan semua pindaan, penambahan dan pengubahsuaian seperti yang boleh dibuat dari semasa ke semasa oleh Penganjur, mengikut budi bicara mutlaknyanya. Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan ini merupakan penerimaan tanpa syarat mereka terhadap Terma dan Syarat yang dipinda.
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah akhir, muktamad dan mengikat semua Peserta Peraduan ini, dan tiada surat-menyurat, komunikasi atau rayuan akan dilayan.

B. JADUAL KEPADA SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Peraduan:	Peraduan Segarkan Nafas, Segarkan Raya Fresh & White (Eksklusif di Lotus's)
2. Tempoh Peraduan:	Peraduan ini berlangsung dari 1hb Februari 2026, jam 00:00 sehingga 15hb Mac 2026, jam 23:59 (“Tempoh Peraduan”).
3. Penganjur:	Southern Lion Sdn. Bhd.
4. Kelayakan:	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap, yang memiliki dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun ke atas (setakat 1hb Februari 2026) (“Peserta”), kecuali kakitangan Penganjur, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, rakan niaga, syarikat bersekutu, pembekal/pengedar, agensi peraduan/pengiklanan atau agensi perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.
5. Kaedah Penyertaan:	Untuk menyertai, Peserta perlu mematuhi langkah-langkah penyertaan berikut: Langkah 1: Beli Beli mana-mana produk Fresh & White yang turut serta, bernilai sekurang-kurangnya RM20 dari mana-mana cawangan Lotus's di Semenanjung Malaysia dalam satu (1) resit (“Bukti Pembelian”) semasa Tempoh Peraduan.

	Peserta dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) peraduan Fresh & White. Walau bagaimanapun, resit pembelian tersebut tidak boleh digunakan secara serentak untuk menyertai Peraduan ini dan mana-mana peraduan lain yang dianjurkan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan. Langkah 2: Imbas kod QR i. Masukkan maklumat seperti berikut: • Nama penuh seperti dalam Kad Pengenalan • Nombor Kad Pengenalan • Nombor Telefon • Alamat e-mel • Negeri • Outlet <i>Sebagai contoh: Nik Rose, 820101-14-5953 +60123456789, xxx@gmail.com, Selangor, Lotus's</i> ii. Hantar gambar muka depan resit sebagai Bukti Pembelian. Simpan Resit asal untuk pengesahan Penganjur sekiranya terpilih.
6. Tarikh tamat Penyertaan:	Peraduan akan tamat pada 15hb Febuari 2026 jam 23:59. Penyertaan selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima oleh Penganjur dan terbatal. Untuk penghantaran penyertaan, Penganjur akan menerima penghantaran Penyertaan pada atau sebelum jam 23:59:59 pada tarikh akhir bagi setiap Mingguan Peraduan seperti yang disenaraikan di bawah: Minggu 1: 7hb Februari 2026 Minggu 2: 14hb Februari 2026 Minggu 3: 21hb Februari 2026 Minggu 4: 28hb Februari 2026 Minggu 5: 7hb Mac 2026 Minggu 6 dan Hadiah Utama: 15hb Mac 2026 (secara kolektif dikenali sebagai “Tempoh Peraduan Mingguan”)
7. Hadiah Peraduan:	(a) Pemenang akan memenangi: • Hadiah Mingguan – Sepanjang tempoh peraduan, sebanyak 50 Peserta (“Pemenang”) akan dipilih setiap minggu untuk memenangi Kad Petrol bernilai RM50, menjadikan jumlah keseluruhan hadiah mingguan bernilai RM15,000.00 dalam bentuk Kad Petrol

	• Hadiah Utama – 3 Pemenang Hadiah Utama akan dipilih sepanjang tempoh peraduan, dan setiap Pemenang akan menerima wang tunai berjumlah RM5,000 menjadikan jumlah keseluruhan RM15,000.00 dalam bentuk Wang Tunai (b) Setiap Pemenang (dikenalpasti melalui nombor Kad Pengenalan) hanya layak menerima satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
8. Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang:	(a) Pemenang akan dipilih oleh Penganjur secara rawak daripada semua penyertaan yang layak yang diterima dalam Tempoh Peraduan, dengan 303 bilangan pemenang. (b) Pemenang akan dihubungi melalui WhatsApp berdasarkan maklumat hubungan yang diberikan semasa penyerahan penyertaan atas dasar usaha terbaik dengan maksimum tiga (3) percubaan dalam masa tiga (3) hari berturut-turut. Sekiranya Pemenang yang disenarai tidak dapat dihubungi, Penganjur berhak untuk menggantikan Pemenang tersebut dengan nama seterusnya dalam senarai berdasar kepada Terma dan Syarat Peraduan. (c) Pemenang dikehendaki mengemukakan maklumat berikut untuk tujuan pengesahan melalui WhatsApp dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh pemberitahuan: • Nama penuh seperti dalam Kad Pengenalan • Nombor Kad Pengenalan • Nombor telefon • Salinan kad pengenalan yang jelas dan boleh dibaca • Alamat pos (<i>terpakai untuk Hadiah dalam bentuk fizikal sahaja</i>) • Nama bank di mana Pemenang mempunyai akaun bank yang sah dikekalkan dengan mana-mana bank/institusi kewangan di Malaysia ("Akaun Bank Aktif") • Nombor akaun dan butiran Akaun Bank Aktif; dan • Nama penuh Pemenang seperti yang di dalam rekod Akaun Bank Aktif. (d) Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dalam Tempoh Peraduan walau bagaimanapun, setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sekiranya terpilih. Resit bagi setiap penyertaan mestilah berlainan dan tidak boleh digunakan lebih daripada sekali. (e) Bukti Pembelian bertarikh sebelum atau selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima.

	(f) Hanya penyertaan dengan resit asal produk yang sah akan diterima sebagai bukti pembelian. Sebarang tangkapan skrin, transaksi e-dompot, slip kad kredit/debit, salinan fotostat, salinan pendua atau resit tulisan tangan tidak akan diterima. Butiran pada resit mestilah jelas dan tidak pudar atau kabur. Sekiranya dikenalpasti, penyertaan tersebut akan dilucuthakkan secara automatik. (g) Semua Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk Peraduan ini adalah hak milik Penganjur. (h) Bukti WhatsApp atau pos bukan bukti penerimaan. (i) Penganjur mempunyai hak tunggal dan mutlak yang difikirkan sesuai dan perlu untuk meminda Tempoh Peraduan, mekanik Peraduan, untuk menamatkan, membatalkan atau menggantung Peraduan dan/atau Pemenang pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. (j) Segala keputusan oleh Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Peserta dan tiada surat-menyurat, komunikasi atau rayuan akan dilayan. (k) Senarai Pemenang untuk Lotus's akan diumumkan oleh Penganjur di laman https://freshandwhitemy.com/ dan halaman Facebook Fresh & White Malaysia pada 31hb Mar 2026. (l) Pemenang Mingguan akan dihubungi dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tamat setiap Minggu Peraduan, seperti berikut: • Minggu 1: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 21 Februari 2026 • Minggu 2: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 28 Februari 2026 • Minggu 3: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 7 Mar 2026 • Minggu 4: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 14 Mar 2026 • Minggu 5: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 21 Mar 2026 • Minggu 6: Pemenang akan dihubungi selewat-lewatnya pada 29 Mar 2026
9. Penghantaran Hadiah:	(a) Hadiah akan dihantar/dikreditkan/disediakan kepada Pemenang dalam masa tiga puluh (30) hari selepas pemilihan Pemenang dan pengesahan maklumat peribadi.

	(b) Kaedah penghantaran Hadiah seperti berikut: • Hadiah Mingguan Kad Petrol bernilai RM50 akan dihantar melalui WhatsApp atau e-mail • Hadiah Utama Wang Tunai RM5000– akan dikreditkan ke Akaun Bank Aktif Pemenang yang sah dikekalkan dengan mana-mana bank/institusi kewangan di Malaysia. (c) Kegagalan untuk memberikan butiran yang diperlukan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 8 Terma dan Syarat ini untuk proses pemberian Hadiah akan mengakibatkan Pemenang kehilangan Hadiah yang dimenangi. (d) Hadiah yang tidak dituntut oleh Pemenang dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan akan dibatalkan. Segala rayuan tidak akan dilayani. Penganjur boleh melanjutkan tempoh masa dan cara penghantaran Hadiah mengikut budi bicara mereka. (e) Pemenang mesti menerima Hadiah dalam keadaan “sedia ada”. Penganjur berhak menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis. (f) Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah dalam proses penghantaran. (g) Penganjur berhak membatalkan sebarang tuntutan daripada agen, pihak ketiga, kumpulan atau penyertaan yang dijana secara automatik oleh komputer.
10. Pembatalan Kelayakan:	(a) Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta berserta penyertaannya jika pihak Penganjur mendapati bahawa: i. resit yang dihantar oleh Peserta adalah sama dengan penyertaan yang lain; ii. penyertaan tidak lengkap atau didapati mengandungi maklumat yang salah, rosak, sukar dibaca, lewat dan tidak mempunyai Bukti Pembelian yang betul atau tidak mencukupi. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan; iii. jika penipuan atau penipuan disyaki, termasuk tanpa had, melalui manipulasi kod atau sebaliknya sering memalsukan data. iv. Gambar penyertaan mengandungi unsur-unsur fitnah, provokasi, lucah, politik, berdiskriminasi (berdasarkan bangsa, agama, keturunan, keupayaan fizikal) menyalahi undang-undang, menyinggung perasaan, bersifat ancaman, menghina atau berbentuk gangguan.

	(b) Penyertaan yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dikuatkuasakan akan dibatalkan secara automatik. (c) Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilainya daripada Peserta yang dibatalkan kelayakannya selepas Hadiah telah diberikan kepada Peserta yang dibatalkan kelayakannya.
11. Hak Milik Harta Intelek:	(a) Semua penyertaan mestilah asli dan tidak melanggar mana-mana hak harta intelek yang dimiliki oleh mana-mana pihak. Peserta tidak boleh mengedarkan, menghasilkan semula atau sebaliknya memberikan, apa-apa bahan yang mengandungi hak harta intelek mana-mana pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, atau maklumat proprietari lain yang dipegang oleh pihak lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak harta intelek atau maklumat proprietari. (b) Penganjur mempunyai hak untuk menggunakan, mengubah suai dan/atau mengedit penyertaan yang dihantar, atau berfungsi mengikut budi bicara mutlaknya dan Peserta menyetujui semua hak untuk sebarang pampasan untuk penyertaan yang dihantar. (c) Jika anda percaya kerja anda telah diusik dan dipaparkan melanggar hak harta intelek, sila hubungi Penganjur.
12. Pengiklanan:	Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan dianggap telah bersetuju dan memberi Penganjur hak untuk mengumpul dan memproses data dan maklumat peribadi Peserta untuk tujuan Peraduan ini, untuk menerbitkan dan/atau memaparkan butir-butir, data peribadi dan/atau gambar Peserta yang berjaya dalam media cetak dan media elektronik apa-apa bentuk (seperti yang berkenaan) untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan pengumuman tanpa sebarang royalti dan/atau pampasan yang perlu dibayar.
13. Liabiliti dan Tanggungjawab Penganjur:	(a) Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk menyertai Peraduan ini, untuk menuntut penebusan/hadiah dan/atau menghadiri majlis, adalah tanggungjawab mutlak Peserta Terpilih/Pemenang yang berjaya, tanpa sebarang pembayaran balik oleh Penganjur. (b) Peserta bersetuju untuk menanggung semua liabiliti dan tanggungjawab setakat yang dibenarkan oleh undang-undang untuk sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan, kos, perbelanjaan, tuntutan atau kemalangan yang dialami, ditanggung atau disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta untuk sebarang kerosakan, kos, perbelanjaan, tuntutan, kerugian, kemalangan atau kesulitan untuk sebarang perkara yang timbul daripada atau berkaitan dengan

	Peraduan ini. Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan Penganjur tidak mengalami sebarang kerugian daripada sebarang tuntutan, kerosakan, kerugian, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan ini akibat daripada sebarang tindakan Peserta. (c) Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang hilang, rosak, tertangguh, tidak betul atau tidak lengkap atas apa jua sebab. Bukti penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti penerimaan. (d) Peserta menyertai Peraduan ini atas risiko Peserta sendiri. (e) Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan mana-mana elemen teknikal yang berkaitan dengan Peraduan ini yang menyebabkan penyertaan gagal dihantar. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk penyertaan yang hilang, rosak, atau ditangguhkan kerana sebarang perkakasan rangkaian, komputer atau telefon bimbit atau kegagalan perisian dalam apa jua bentuk atau sebarang keadaan yang tidak dijangkakan atau di luar kawalan pihak Penganjur.
14. Notis bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:	Penganjur berhak menzahirkan butiran data peribadi Peserta (termasuk, tanpa had, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan dan butiran akaun bank) kepada agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan menghubungi Peserta untuk tujuan Peraduan ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan butiran data peribadi daripada Penganjur. Permintaan boleh dibuat melalui emel ke https://www.southernlion.com.my/contact-us/ atau melalui pos ke Southern Lion Sdn. Bhd. Unit 1-J & 1-K, Bangunan BAKTI Siti Hasmah, No.6, Cangkat Abang Haji Openg, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia sebelum 1hb Disember 2025. Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan data peribadi oleh Penganjur, sila baca polisi peribadi Penganjur di https://www.southernlion.com.my/privacy-policy/.
15. Syarat-syarat Penyertaan Am:	(a) Sekiranya Peraduan ini melibatkan peniaga/pedagang yang lain, peniaga/pedagang yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini berhak untuk menyemak semula terma dan syarat Peraduan ini tanpa notis terlebih dahulu. Penyertaan Peserta dalam Peraduan yang berkaitan akan tertakluk kepada terma dan syarat peniaga/pedagang yang mengambil bahagian. Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub-kontrak mana-mana kewajipan di sini. (b) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat-syarat ini dengan sebarang bentuk pengiklanan lain yang berkaitan

	dengan Peraduan ini, terma dan syarat-syarat ini akan diguna pakai. (c) Terma dan Syarat Peraduan ini hanya didapati dalam Bahasa Malaysia. (d) Terma dan syarat-syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Penganjur dan Peserta bersetuju menggunakan bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia. (e) Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi talian hotline kami di 1800 880 133 (Isnin hingga Jumaat, jam 9 pagi hingga 5 petang, (tidak termasuk cuti umum)) atau lawati https://www.southernlion.com.my/.
--	--